



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (33)
Tarikh : 9 November 2019

SIARAN MEDIA

PROGRAM EKO KOMUNITI #TRASHTOCASH

Butterworth, 9 November 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Program Eko Komuniti #TrashtoCash dan majlis dirasmikan oleh YB Menteri KPKT, Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin diiringi YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa.

Program Eko Komuniti #TrashtoCash adalah merupakan inisiatif terbaharu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diilhamkan dibawah pelaksanaan Dasar Komuniti Negara (DKomN). Program ini boleh dikategorikan di bawah kluster DKomN iaitu Kluster 2: Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan dan Kluster 6: Keusahawanan dan Perniagaan Sosial.

Program ini diperkenalkan bagi menggalakkan penglibatan komuniti setempat terutamanya penduduk yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dalam menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan dalam kehidupan harian. Selain itu, program ini juga dijangka akan membantu meningkatkan kesedaran komuniti tentang pentingnya pengasingan sampah dan menjana pendapatan sampingan dengan sampah yang dikitar semula.

Impak pelaksanaan program Eko Komuniti ini adalah seperti berikut:

- I. menggalakkan penglibatan komuniti setempat terutamanya yang menetap di kawasan PPR untuk menitik beratkan kebersihan dan mengamalkan kitar semula dalam pengurusan sampah harian;
- II. komuniti akan lebih berupaya menjadikan tempat tinggal komuniti lebih bersih, hijau dan selamat tanpa memerlukan pemantauan berterusan;
- III. Sebagai salah satu platform untuk meningkatkan lagi kesedaran dan penyertaan komuniti dalam program-program di bawah DKomN; dan
- IV. melalui program ini, Pemimpin tempatan akan dapat merapatkan diri dengan lebih mesra dengan komuniti setempat dari golongan B40 terutamanya di kawasan PPR.

Pengisian Program Eko Komuniti adalah dengan memberi tumpuan kepada beberapa aktiviti utama dan pada masa yang sama memberi ruang kepada komuniti tempatan untuk melaksanakan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh komuniti sendiri. Program-program utama dibawah Program Eko Komuniti adalah seperti berikut:

- i) Plogging - aktiviti berjogging sejauh 3KM sambil memungut sampah;
- ii) Pelancaran Hero Eko Komuniti #TrashtoCash sebilangan penduduk akan dipilih oleh komuniti setempat yang bertindak untuk menguruskan pengasingan dan audit sampah di peringkat komuniti tersebut.
- iii) Aktiviti audit sampah - sampah yang telah dipungut akan diasingkan dan ditukarkan kepada wang tunai untuk kegunaan komuniti;
- iv) Sesi Sembang Santai bersama komuniti – sesi perkongsian maklumat bersama golongan pakar dan professional mengenai isu-isu semasa yang sedang menjadi topik perbualan di komuniti tersebut.

Selain dari itu antara program-program lain yang diselaras dan dilaksanakan oleh komuniti di PPR sendiri adalah seperti pertandingan Beyblade antara blok, liga penalti, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, penyerahan sumbangan asnaf, forum agama komuniti lestari, demo memadam kebakaran dapur oleh bomba, pertandingan hafazan dan azan, aktiviti mencari jentik-jentik, serta penampilan maskot dan badut.

Program di PPR Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang adalah siri pertama pelancaran program ini. Sebanyak enam lokasi telah dikenalpasti untuk program pelancaran Program Eko Komuniti di seluruh negara bagi tahun 2019. Lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	TARIKH PROGRAM
1.	PPR Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang	9 November 2019
2.	PPR Desa Mutiara. Tebrau, Johor	16 November 2019
3.	PPR Padang Hiliran, K.Terengganu, Terengganu	22 November 2019
4.	Laman Budaya, Kuala Kangsar, Perak	1 Disember 2019
5.	Taman Kosas, Ampang, Selangor	7 Disember 2019
6.	PPR Taman Sri Keramat, Putatan Sabah	8 Disember 2019

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
 Faks : 03-8891 5557
 E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my